

Utusan Malaysia (Dalam Negeri) 27/10/23 (Jumad)



Kembar seiras terima ijazah bersama, PNGK juga sama 3.92

PASANGAN kembar seiras teruja apabila menerima ijazah dalam bidang yang sama iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem Komputer) pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Ke-18 di Dewan Kompleks Sukan UMPSA di sini.

Lebih menarik, pasangan kembar berkenaan yang berusia 25 tahun, Hong Zhuang Yuan dan Hong Zhuang Shenini menamatkan pengajian dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang sama iaitu 3.92.

Anak kepada pasangan Hong

Sim Ling dan Seng Kar Ling itu berkata, sejak kecil mereka tidak pernah berenggang sehinggalah melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ketika melangkah ke menara gading.

■ **HONG** Zhuang Yuan (dua kanan) dan kembarnya, Hong Zhuang Shenini bersama keluarga menerima Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem Komputer) pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) ke-18, Selasa lalu.